

**BEBAN TUGAS DAN HUBUNGAN TERHADAP KEPUASAN  
KERJA DALAM KALANGAN GURU DI SEKOLAH  
MENENGAH.**

**RUHANA @ VENEL NATASHA NASIR**

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2013**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **BEBAN TUGAS DAN HUBUNGAN TERHADAP KEPUASAN KERJA GURU DI SEKOLAH MENENGAH**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **RUHANA@VENEL NATASHA NASIR** SESI : **2011/2012**

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/ Sarjana/ Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)\*\*

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)

/ TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh:

  
(RUHANA@VENEL NATASHA NASIR)

Alamat Tetap:  
SMK Beluran,  
Peti Surat 30,  
90107, Beluran.

  
(DR. SUHAIMI BIN TAAT)

Tarikh : 12 JULAI 2013

Tarikh: 8/7/2013

CATATAN:- \* Potong yang tidak berkenaan.

\*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



RUHANA @ VENEL NATASHA NASIR

1 JULAI 2013

PT 2010-7496C



## **PENGHARGAAN**

Segala pujian keatas Tuhan di atas limpah berkatNya yang telah memungkinkan kajian ini disiapkan.

Penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Penyelia kajian, Dr. Mohd. Suhaimi Taat atas bimbingan dan dorongan yang telah Diberikan sepanjang tempoh kajian ini. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar tanpa rasa jemu dalam proses menyempurnakan kajian ini.

Sekalung ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, dan Jabatan Pelajaran Daerah Beluran atas kesudian mereka memberi kebenaran kepada Penyelidik untuk menjalankan kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga Ditujukan kepada semua pengetua, dan para guru yang terlibat dalam kajian ini atas kerjasama yang telah diberikan.

Tidak ketinggalan juga kepada suami tercinta, En.Jay Pee Evanez Philip Litak kerana sokongan yang diberikan, begitu juga buat puteri tersayang Elleya Veana Evanez kerana menjadi penguat semangat sehingga kajian ini berjaya diselesaikan. Terima kasih juga buat ibu bapa dan rakan-rakan yang sentiasa memberi semangat dan dorongan bagi menyiapkan kajian ini. Akhir kata, penyelidik berharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua khususnya bagi dunia pendidik.



# **BEBAN TUGAS GURU DAN HUBUNGAN DENGAN KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN GURU DI SEKOLAH MENENGAH.**

## **ABSTRAK**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti jenis beban tugas dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Beluran. Selain itu juga mengenal pasti samada guru di sekolah menengah di mengalami beban tugas berdasarkan jantina dan tempoh mengajar. Seterusnya mengenal pasti hubungan beban tugas dan kepuasan kerja dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Beluran. Seramai 143 orang guru dari 5 buah sekolah telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi. Data yang telah dikumpul dianalisis dengan menggunakan pakej SPSS versi 17.0. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistic deskriptif (min, kekerapan dan peratus) dan statistik inferensi (Ujian-t, ANOVA dan Korelasi Pearson). Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap beban tugas guru di sekolah menengah berdasarkan jantina dan tempoh mengajar. Tidak terdapat perbezaan juga bagi kepuasan kerja guru berdasarkan jantina dan tempoh mengajar. Walau bagaimanapun, terdapat hubungan beban tugas guru dengan kepuasan kerja guru di sekolah menengah Daerah Beluran.

### **KATA KUNCI:**

Beban tugas, Kepuasan Kerja

## **WORKLOAD TEACHER AND RELATIONSHIP WITH JOB SATISFACTION AMONG SECONDARY SCHOOL TEACHER.**

### **ABSTRACT**

*The purpose of this study is to identify the type workload among teacher at secondary school in Beluran. Other than that, to identify teacher secondary school feel workload by gender and length of service. Then, to identify relationship workload and job satisfaction among secondary school at Beluran. A total of 143 from 5 mission secondary schools in Beluran were choosed randomly (multistage cluster) to represent the population. The data was analysed using SPSS package version 17.0. The data was analyzed using both descriptive (mean, frequency, andpercentage) and inferency (Independent t-test, oneway ANOVA test and Corelation Pearson). The study showed that the workload among the respondents is at amoderate level. The study also showed that there were no significant differences on the levelof workload among respondents in terms of gender and length of service. No significant differences also for satisfaction teacher of gender and length of service.therefore, there were significant relationship workload teacher with job satisfaction teacher in secondary school at Beluran area.*

*Workload, length of service*

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b><i>ABSTRACT</i></b>	<b>iv</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>vii</b>
<b>BAB 1 : PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Latar Belakang Kajian	2-4
1.3 Pernyataan Masalah	4-6
1.4 Objektif Kajian	7-8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Hipotesis Kajian	8-9
1.7 Limitasi Kajian	9-10
1.8 Kepentingan Kajian	10-12
1.9 Definisi Operasional	12-19
1.9.1 Beban Tugas	12-15
1.9.2 Guru	15-16



1.9.3 Kepuasan Kerja	16-18
1.9.4 Sekolah Menengah	18
1.10 Kerangka Kajian	18-19
1.11 Rumusan	19
<b>BAB 2 : KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	20
2.2 Beban Tugas Guru	21-24
2.3 Kepuasan Kerja	24-28
2.4 Teori Kepuasan Kerja	28-34
2.4.1 Hierarki Kepuasan Bekerja Maslow	28-30
2.4.2 Teori Dua Faktor Herzberg	30-34
2.5 Kajian-kajian Lepas Mengenai Kepuasan Kerja Dan Beban Tugas	34-44
2.6 Rumusan	44
<b>BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	45
3.2 Reka bentuk Kajian	45
3.3 Populasi Dan Persampelan	46
3.4 Instrumen Kajian	47-49
3.5 Kajian Rintis	49-50
3.6 Analisis Data	50-52
3.7 Kesimpulan	52
<b>BAB 4 : DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan	53



4.2 Analisis Data	53-60
BahagianA :Demografi Responden	
4.2.1 Taburan Kekerapan Responden Mengikut Sekolah	53-54
4.2.2 Taburan Kekerapan Responden Mengikut Jantina	54-55
4.2.3 Taburan Kekerapan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	55
Bahagian B : Tahap Beban Tugas Responden	
4.2.4 Adakah Guru-guru Sekolah Menengah Di Daerah Beluran Mengalami Beban Tugas Berdasarkan Jantina Dan Tempoh Perkhidmatan	56
4.2.5 Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Beban Tugas Guru Berdasarkan Jantina	56
4.2.6 Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Beban Tugas BerdasarkanTempoh Mengajar	57
Bahagian C :Jenis Beban Tugas	
4.2.7 Apakah Jenis Beban Tugas Yang Dihadapi Oleh Guru-guru Di Daerah Beluran	57
4.2.8 Analisis Jenis Beban Tugas	57-58
Bahagian D : Beban Tugas Dan Kepuasan Kerja	
4.2.9 Apakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Kepuasan Kerja Guru Berdasarkan Jantina Dan Tempoh Perkhidmatan	58
4.2.10 Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Kepuasan	



Kerja Guru Berdasarkan Jantina	58-59
4.2.11 Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Kepuasan	
Kerja Guru Berdasarkan Tempoh Mengajar	59
4.2.12 Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Beban	
Tugas Dengan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Di	
Sekolah Menengah Daerah Beluran	60
4.3 Ringkasan Keseluruhan Analisis Data Persoalan Kajian	61
4.4 Kesimpulan	61
<b>BAB 5 : PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1 Pengenalan	62
5.2 Rumusan Dan Perbincangan Dapatan Kajian	62-71
5.2.1 Jenis BebanTugas Dalam Kalangan Guru Sekolah	
Menengah Di Daerah Beluran	63-64
5.2.2 Perbezaan BebanTugas Berdasarkan Jantina Dalam Kalangan	
Guru Sekolah Menengah Di Daerah Beluran	64-65
5.2.3 Perbezaan Beban Tugas Berdasarkan Tempoh Mengajar	
Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Di Daerah	
Beluran	65-67



5.2.4	Perbezaan Kepuasan Kerja Guru Sekolah Menengah	
	Berdasarkan Jantina	67-68
5.2.5	Perbezaan Kepuasan Kerja Guru Sekolah Menengah Berdasarkan	
	Tempoh Mengajar	68-69
5.2.6	Hubungan Antara Beban Tugas Dengan Kepuasan Kerja Dalam	
	Kalangan Guru Di Sekolah Menengah Daerah Beluran	69-71
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	71-72
5.4	Kesimpulan	72-73

## **RUJUKAN**

## **LAMPIRAN**



## SENARAI RAJAH

### PERKARA

### MUKA SURAT

Rajah 1.1 Model Menunjukkan Perhubungan Di Antara Beban Tugas  
Dengan Kepuasan Kerja

19



## SENARAI JADUAL

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 3.1 Bilangan Guru-guru Yang Terpilih Sebagai Sampel Kajian	46
Jadual 3.2 Item Pemboleh Ubah	49
Jadual 3.3 Pekali Alpha Cronbach	50
Jadual 3.4 Skala Interpretasi Nilai Korelasi ( $r$ )	51
Jadual 3.5 Skala Aras Signifikan Pekali Korelasi Pearson ( $p$ )	51
Jadual 3.6 Jadual Analisis Kajian	52
Jadual 4.1 Taburan Kekerapan Responden Mengikut Sekolah	54
Jadual 4.2 Taburan Kekerapan Responden Mengikut Jantina	55
Jadual 4.3 Taburan Kekerapan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	55
Jadual 4.4 Analisis Ujian-t Terhadap Perbezaan Beban Tugas Berdasarkan Jantina	56
Jadual 4.5 Analisis Anova Satu Hala Terhadap Perbezaan Beban Tugas Guru Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	57



Jadual 4.6 Skor Min Jenis Beban Tugas	58
Jadual 4.7 Analisis Ujian-t Terhadap Perbezaan Kepuasan Kerja Guru Berdasarkan Jantina	58
Jadual 4.8 Analisis Anova Satu Hala Terhadap Perbezaan Kepuasan Kerja Guru Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	59
Jadual 4.9 Analisis Korelasi Pearson Antara Beban Tugas Dengan Kepuasan Kerja Guru	60
Jadual 4.10 Analisis Kajian	61



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Guru memainkan peranan penting dalam membangunkan sebuah negara. Hal ini disebabkan, tugas dan peranan guru begitu penting dalam menjana modal insan agar menjadi insan yang punya jati diri dan mencintai negara. Malahan guru turut berperanan membentuk, mencorak dan mengubah tamadun manusia kearah yang lebih maju. Tidak dinafikan, kejayaan sesebuah negara bergantung pada ilmu. Proses penyampaian ilmu ini memerlukan orang yang benar-benar pakar dalam bidangnya.

Baharom Mohamad dan Iliyas Hashim (2010), peranan guru dianggap dominan dalam menghasilkan kecemerlangan pelajar. Malahan guru ialah pendidik, pengajar, pengasuh, pembimbing, fasilitator, motivator, instruktur dan penyampai ilmu pengetahuan yang trampil. Tidak dapat disangkal bahawa keterampilan guru sebagai penyebar ilmu dalam proses pengajaran dan pembelajaran dituntut dan diharapkan oleh segenap masyarakat, negara dan ummah.

Dalam dunia yang moden ini, dapat dilihat peranan guru agak mencabar jika dibandingkan dengan tugas guru pada zaman dahulu. Walau bagaimanapun, kepuasaannya terpancar di raut wajah insan yang bergelar guru disebabkan setiap perubahan dan pemodenan dalam masyarakat akan dimulakan oleh guru. Tidak dapat dinafikan, anak murid pandai dan menguasai sesuatu ilmu, dimulakan dengan guru perlu terlebih dahulu menguasainya. Tugas mengajar sebenarnya memerlukan ketekunan dan kesabaran yang tinggi. Pengajaran yang berkesan membuahkan rasa kepuasan. Penat lelah terbayar hanya melalui kepuasan yang timbul apabila dapat mendidik pelajar yang buta huruf dan akhirnya dapat membaca. Begitu juga apabila melihat mereka melompat riang mendapat keputusan yang cemerlang.

Jika guru dahulu berperanan sebagai penyampai maklumat sahaja, tetapi kini guru pula berperanan menjadi pembimbing dan pemberi peransang di dalam bilik darjah. Dahulu guru hanya bertugas mengajar murid dengan ilmu pengetahuan, tetapi kini tugasnya berusaha mengembangkan potensi murid secara menyeluruh daripada segi intelek, rohani, jasmani dan emosi, mendidik murid supaya menjadi berani dan sanggup menghadapi cabaran hidup serta berguna kepada pembangunan negara.

Lantaran tugas guru yang mencabar pada masa kini telah membawa kepada cabaran demi cabaran kepada para pendidik untuk terus berjuang dalam menabur ilmu kepada anak bangsa. Antara cabaran yang para guru berdepan ialah mengenai beban tugas yang perlu dipikul di bahu para guru. Hal ini membawa kepada persoalan dihati para guru mengenai kepuasan kerja masih terasa lagi ataupun tidak ekoran daripada beban tugas yang digalas tanpa henti oleh guru. Sungguhpun, isu mengenai beban tugas dalam kalangan guru ini seperti sudah lapuk namun tidak dapat disangkal sedikit sebanyak mampu mempengaruhi juga kualiti kerja para pendidik masa kini.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Sebagai pendidik yang bertanggungjawab, guru pada hari ini menyedari tugas dan amanah yang diserahkan kepada mereka bagi mendidik generasi yang menjadi dewasa kelak. Perubahan demi perubahan dalam tugas dan peranan guru pada dewasa kini turut dirasai bagi insan yang bergelar guru. Akhirnya, perubahan tersebut terutama pada tugas seorang guru membawa pelbagai reaksi dalam kalangan guru. Walaupun pada dasarnya seorang guru merupakan seorang yang ikhlas dalam melaksanakan tugas mendidik dan mengalas segala tugas yang diberi tanpa mengeluh.

Namun, dalam memenuhi tuntutan dan merealisasikan sistem pendidikan negara, tanggungjawab dan beban tugas dalam kalangan guru perlu diambil kira. Hal

ini melibatkan nilai kecekapan dan kualiti dalam tugas hakiki seorang guru sebagai pendidik. Selaras dengan perkembangan sistem pendidikan dewasa ini kerana antara tugas yang perlu digalas oleh para guru selain mengajar ialah persediaan pengajaran dan pembelajaran, kegiatan ko-kurikulum dan juga tugas-tugas berkaitan dengan perkeranian. Malahan, guru turut memastikan kelicinan program sekolah yang telah dirancang sama ada pada peringkat sekolah, daerah, negeri atau kebangsaan. Malahan setiap kali perubahan kurikulum berlaku maka setiap kali itulah juga kewibawaan guru tercabar. Dengan keadaan ini akan menyebabkan ramai guru menghadapi tekanan emosi akibat daripada perubahan tersebut. Penambahan beban tugas ini sudah tentu akan membawa kesan dan mutu pengajaran guru. (Abdul Rahim, 1997 dalam Mohammad Fitri Bin Sahhari, 2006).

Selain itu beberapa faktor yang menyebabkan berlaku beban tugas di kalangan guru yang telah digariskan oleh Daeng Ramli Akil (1993) dalam Mohammad Fitri Bin Sahhari (2006). Di antaranya ialah :

- a) Pengagihan tugas yang tidak seimbang antara guru-guru dalam setahun
- b) Sikap pentadbir yang suka pilih kasih dan bersikap tidak adil terhadap guru-guru tertentu
- c) Tugas sampingan yang dibebankan dibahu guru-guru oleh pihak atasan
- d) Tugas sampingan yang diberikan secara mendadak kepada guru

Sehinggakan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam ucapan beliau pada 31 Mac 2010 di Kuala Lumpur telah mengatakan akan mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji beban tugas berlebihan yang ditanggung oleh guru sekolah di seluruh negara. Antara beban tugas yang ditanggung oleh guru ialah menguruskan aktiviti kokurikulum, bilik darjah, hal ehwal murid, pentadbiran dan perkeranian serta kerja tambahan yang lain yang perlu dibuat mengikut keperluan semasa. (Utusan, 1 april 2010)

Menurut laporan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru 2010, guru-guru banyak terlibat dengan aktiviti dan program-program di luar sekolah

seperti banyak penyertaan dalam kokurikulum dan sukan sehingga menjejaskan prestasi pengajaran murid serta amalan profesional keguruan. Malahan guru turut terlibat dengan menguruskan hal-hal berkaitan dengan murid seperti pengurusan bantuan persekolahan, pengurusan bantuan persekolahan, pengurusan data maklumat murid dan pentadbiran sekolah. Manakala, dalam bidang kurikulum pula, setiap kali ada pelaksanaan daripada kementerian seperti program pendidikan baru contohnya memperkukuhkan Penguasaan Bahasa Inggeris (MBMMBI), Semakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), guru-guru akan menghabiskan masa beberapa masa beberapa hari di luar sekolah untuk mengikuti kursus atau taklimat berkenaan. Keadaan seperti ini akan menyebabkan guru terpaksa meninggalkan murid mereka di sekolah bagi tempoh tertentu semata-mata menghadiri diri ke kursus atau taklimat tersebut (<http://www.ppdmachang.edu.my/V2/index.php/2011/wajarkah-jawatan-guru-pembantu-guru-kedua-diwujudkan-di-sekolah?blog=8>).

Kamaruzaman Kamaruddin (2007), mendapati bahawa faktor beban tugas dalam kalangan guru turut mempengaruhi tekanan pada kerjayanya sebanyak skor min 2.64. Justeru, beban tugas yang dipikul oleh guru bukan sahaja mempengaruhi kualiti kerjanya namun dari aspek emosi turut mempengaruhi. Bebanan kerja yang dipikul juga turut memberi impak terhadap aspek kepuasan bekerja dalam kalangan guru. Kepuasan bekerja ini penting dan sangat berkait rapat dengan mencapai matlamat dan objektif secara langsung dalam kerjaya seseorang.

### **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Perubahan demi perubahan dalam dunia pendidikan pada hari ini membawa kepada hambatan tugas dan tanggungjawab yang tidak bertepi terhadap tugas seorang guru. Pada masa kini kerjaya sebagai seorang guru tidak semudah yang disangka seperti guru pada masa dulu. Bidang tugas dan tanggungjawabnya bertambah sesuai dengan perkembangan dunia pada masa kini seperti yang tercatat nyata pada Surat

Pekeliling Ikhtisas Bil.2/81 yang bertarikh 12 September 1981. Antara tugas seorang guru ialah menjalankan tanggungjawab sebagai guru bertugas, menandatangani buku kehadiran dan sebagai guru akademik.

Sebagai guru akademik terdapat lagi tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh seorang guru dengan baik seperti menulis buku persediaan mengajar harian, memberi kerja rumah kepada pelajar, menjadi guru ganti, guru turut bertanggungjawab dalam aspek kebersihan dan keceriaan sekolah dan kelas. Manakala sekiranya guru menjawat jawatan sebagai guru panitia kurikulum maka hal-hal pengurusan panitia akan diurus. Bagi tugas sebagai guru kelas pula, guru akan mengurus pelajar dalam kelasnya. Tidak dinafikan juga tugas hakiki seorang guru ialah mengajar iaitu sebagai guru mata pelajaran.

Justeru itu, menurut Kamaruzaman Kamaruddin (2007) telah mengatakan bahawa kebanyakan guru merasa tertekan apabila mereka diberikan tugas-tugas lain yang banyak selain daripada mengajar. Malahan, pengagihan tugas yang tidak saksama dan seimbang di kalangan guru juga telah menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan guru. Guru yang memegang jawatan penting seharusnya tidak diberikan jadual yang padat, sama seperti guru-guru lain. Jika dibiarkan akan menyebabkan guru-guru berasa tertekan disebabkan beban tugas mengajar dan tugas mengawal disiplin sekolah. Berdasarkan kajian lepas iaitu dapatan Siti Rohani Md. Sharif (1991) dalam Kamaruzaman Kamaruddin (2007) menunjukkan faktor beban tugas merupakan faktor yang dikenalpasti memberi tekanan kerja kepada guru.

Kajian yang dijalankan oleh Van Dick dan Wagner (2001) dalam Fazura Binti Mohd.Noor (2011), terhadap 557 orang guru mendapati faktor beban tugas merupakan penyumbang yang utama terhadap beban tugas guru dan tekanan (stress) dalam kalangan guru. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa, stress yang dialami oleh guru juga akan menyumbang kepada kesan yang negatif bukan sahaja dari segi fisiologi seperti darah tinggi, malahan turut menyumbang kepada kesan tingkah laku guru. Seterusnya Tang dan Yeung (1999) dalam Fazura Binti

Mohd. Noor (2011), kajian terhadap 259 guru sekolah menengah di Hong Kong juga mendapati, faktor beban tugas telah menyebabkan stress kepada 259 guru sekolah di Hong Kong juga mendapati, faktor beban tugas kepada guru hingga boleh mengundang stress hingga boleh mengundang "burnout".

Menurut Mohd. Fazli Abu Bakar, Janet Ho Siew Ching, Irdiana Syeriza Hussein dan Nazrah Jamaludin (2005), para guru yang mengajar di sekolah baru biasanya diberi beban tugas yang berlipatganda memandangkan keperluan bilangan guru adalah berdasarkan bilangan pelajar. Keadaan ini ditambahkan lagi dengan seseorang guru diberi beberapa tugas seperti guru disiplin, guru rumah sukan, gurupenasihat persatuan, guru komputer, ketua panitia, guru kantin, guru keselamatan, gurutingkatan dan guru SPBT.

Justeru itu, aspek kepuasan kerja sering dikaitkan dengan peningkatan motivasi, moral dan prestasi kerja dalam meningkatkan produktiviti yang tinggi. (Vroom, 1964 dalam Azli Bin Abdul Ani, 1997). Seterusnya, seorang yang minat dengan pekerjaannya akan lebih komited dengan kerjaya yang diceburinya. Maka, kepuasan kerja ini adalah elemen yang penting dalam sebuah organisasi dalam mencapai matlamat dan hala tuju kerana faktor-faktor kerja yang membosankan, melelahkan dan mengecewakan akan membawa kepada ketidakpuasan bekerja. Ekoran, perasan ketidakpuasan bekerja akan membawa kepada kesan yang negatif terhadap objektif sekolah dan pendidikan amnya.

Ekoran dari cadangan agar diwujudkan jawatan pembantu guru, jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh KPM bagi mengkaji masalah beban tugas guru telah mengusulkan 40 cadangan dan salah satunya adalah menghadkan bilangan murid kepadanya 25 orang bagi setiap kelas di sekolah rendah dan sekolah menengah (Berita Harian, 18 Mei 2010 dalam Fazura Mohd. Noor, 2011). Pihak Kementerian juga bercadang mengkaji semula bilangan peperiksaan ujian yang menjadi punca pertambahan beban tugas guru dan menyusun semula tugas perkeranian di sekolah. Jelas menunjukkan bahawa, guru-guru sememangnya terbeban dengan tugas yang berlebihan. Kajian tentang stres terhadap 267 guru

sekolah rendah di Utara dan TimurEngland mendapati bahawa, 23 peratus responden berasa sangat stres dan stres yang ekstrem (Chaplain, 1995 dalam Fazura Mohd. Noor, 2011).

Hal ini, disebabkan oleh tugas yang diberi kian bertambah dan memberi kesan negatif ke atas guru iaitu didapati hanya satu pertiga daripada guru yang berpuas hati dengan kerja mereka. Guru tidak berasa kepuasan dalam pekerjaan, ini akan mempengaruhi sistem pendidikan disebabkan guru-guru tidak bermotivasi, tidak komited dengan kerja dan tidak profesional, dan sekaligus memberi impak yang negatif dalam bidang pendidikan. Kajian yang sama oleh Borg dan Riding(1993) dalam Fazura Mohd. Noor (2011), menunjukkan 21.3 peratus daripada 150 responden sekolah rendah dan sekolah menengah di Malta mengalami stres pada tahap yang tinggi.

Sewajarnya, dalam menilai beban tugas yang dipikul oleh para pendidik moleknnya dikaji dengan terperinci agar masalah beban tugas ini tidak menjadi duri dalam daging dalam bidang pendidikan khususnya. Keadaan ini secara langsung akan membawa kesan negatif terutama kepada matlamat dan objektif sekolah khususnya tapi juga akan memberi impak kepada para pendidik terutama dari aspek emosi dan kualiti kerja apabila kepuasan kerja yang sepatutnya dimiliki tersebut telah hilang ekoran daripada bebanan tugas yang tidak bertepi.

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Pada dasarnya objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tentang beban tugas di kalangan guru sekolah menengah pada hari ini dan hubungannya terhadap kepuasan kerja dalam kalangan guru tersebut. Manakala objektif khusus bagi kajian ini adalah seperti berikut :

1.4.1 Mengenal pasti jenis beban tugas dalam kalangan guru sekolah menengah di daerah Beluran, Sabah.

1.4.2 Mengenal pasti samada guru di sekolah menengah di daerah Beluran mengalami beban kerja berdasarkan jantina dan tempoh mengajar.

1.4.3 Mengenal pasti hubungan beban kerja dan kepuasan kerja dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Beluran.

## **1.5 PERSOALAN KAJIAN**

Secara khususnya, kajian ini akan melihat kepada beban tugas dalam kalangan guru dan kesannya terhadap kepuasan kerja. Persoalannya :-

1.5.1 Apakah jenis beban tugas yang dihadapi oleh guru-guru di daerah Beluran?

1.5.2 Adakah guru-guru di sekolah menengah di daerah Beluran mengalami beban kerjaberdasarkan jantina dan tempoh perkhidmatan?

1.5.3 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru di sekolah menengah kawasan daerah Beluran?

## **1.6 HIPOTESIS KAJIAN**

Hipotesis yang dibentuk adalah berdasarkan kepada persoalankajian iaitu untuk melihat samada beban tugas memberi kesan terhadap kepuasan kerja dalam kalangan guru di sekolah menengah secara terperinci dapatdihipotesiskan seperti berikut :

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan beban tugas guru berdasarkan jantina.

Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan beban tugas guru berdasarkan tempoh mengajar.

Ho3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kepuasan kerja guru berdasarkan jantina.

Ho4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kepuasan kerja guru berdasarkan tempoh mengajar.

Ho5 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara beban kerja dengan kepuasan kerja guru.

## **1.7 LIMITASI KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan bagi meninjau beban tugas yang dipikul oleh guru dan hubungan dengan kepuasan kerja guru di sekolah menengah kawasan Beluran, Sabah. Terdapat empat buah sekolah menengah di kawasan Beluran iaitu SMK Beluran, SMK Beluran II, SMK Balaban Jaya, SMK Pamol dan SMK Simpangan. Responden kajian ini tidak melibatkan semua guru kerana menggunakan persampelan rawak mudah dalam mendapatkan data. Oleh kerana kajian ini mengenai beban tugas guru dan hubungannya terhadap kepuasan kerja guru maka persoalan mengenai beban tugas yang dialami oleh sampel kajian di luar tempat kerja tidak termasuk di dalam skop kajian ini.

Kajian ini hanya melibatkan guru di sekolah menengah harian biasa dan tertumpu kepada lima buah sekolah sahaja yang berada dalam daerah Beluran, Sabah. Oleh yang demikian, maka dapatan kajian ini tidak dapat menggambarkan secara keseluruhan beban kerja dan hubungannya terhadap seorang guru. Instrumen yang dipilih ialah soal selidik. Oleh itu dapatan kajian ini adalah bergantung kepada keupayaan responden menggunakan persepsi dan daya ingatan mereka tentang suatu faktor atau perkara yang diselidiki. Sehubungan itu, penyelidik membuat andaian bahawa responden akan memberi maklumat yang tepat secara ikhlas dan jujur semasa menjawab soal selidik yang diberikan.

Dapatan kajian ini tidak digeneralisasi kepada seluruh warga pendidikan dan juga tidak dirumuskan kepada semua guru di Malaysia. Keadaan ini disebabkan

beban kerja guru adalah berbeza di kalangan individu, sekolah dan kawasan. Manakala yang keempat pula, hasil dapatan kajian ini adalah bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden ketika menjawab soalan yang dikemukakan. Sehubungan dengan itu, pengkaji mengandaikan semua maklumat yang diberikan oleh responden adalah tepat. Keesahan dan kebolehpercayaan kajian tersebut juga adalah bersandar kepada andaian ini.

## **1.8 KEPENTINGAN KAJIAN**

Hasil daripada kajian ini penting untuk mengenal pasti tahap beban tugas guru-guru di sekolah menengah sekitar Beluran, Sabah. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran menyelesaikan masalah beban tugas guru di sekolah menengah. Melalui kajian ini diharapkan dapat membantu pihak kementerian dan guru sekolah bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai beban tugas guru agar dapat merangka tindakan yang perlu diambil untuk mempertingkatkan mutu profesion pendidikan di kalangan guru-guru.

Memberikan pengetahuan kepada pihak kementerian bagi memartabatkan profesion perguruan dan pihak pentadbir sekolah dalam membuat pengagihan tugas dan kerja di kalangan guru-guru. Seterusnya untuk melahirkan kepuasan kerja dan imej profesion perguruan di mata masyarakat negara ini. Hasil kajian ini diharap agar pihak yang berwajib seperti pihak Kementerian Pelajaran dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam dunia pendidikan supaya dapat mengkaji semula tentang tugas guru yang sepatutnya dijalankan oleh para guru dan seterusnya dapat mengurangkan beban tugas guru. Keadaan ini membolehkan para guru memberi tumpuan kepada aspek pengajaran dan pembelajaran di sekolah pada setiap masa hari persekolahan.

Diharapkan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, memahami dengan lebih jelas tentang perasaan para pendidik dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Dengan itu langkah-langkah susulan yang harus diambil oleh pihak berkenaan mestilah berdasarkan realiti yang sebenar, bukan sahaja untuk kepentingan para

## RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof. 2003. *Gelagat organisasi :Teori, isu dan aplikasi*. Selangor : Prentice Hall Pearson.
- Abdul Ghani Abdullah dan Abdul Rahman Abdul Aziz.2009. *Mengurus Tingkah laku pelajar*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd
- Abdul Sukor Shaari, Abd. Rahim Ronle dan Abd.Rahim dan Mohamad Yazid Kerya. 2006. *Beban Tugas Guru Sekolah Rendah*. Seminar Kebangsaan Kepimpinan dan Pengurusan Sekolah. Feb 2006.
- Adair. J. 2006. *Leadership and motivation the fifty-fifty rule and the eight key principles of motivating others*. London dan Philadelphia : Kogan page.
- Ainon Mohammad dan Abdullah Hassan. 2011. *11 teori dan prinsip motivasi di tempat kerja*. Selangor : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ahmad Jawahir Bin Tugimin. 2009. *Perkaitan Antara Faktor Demografi Dengan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Kanan Mata Pelajaran (GMK) : Satu Kajian Kes Di Daerah Jasin Dan Melaka Tengah, Negeri Melaka*. *Journal of Human Capital Development*. (2) : 1985-7012.
- Ahmad Jawahir Tugimin, Rosli Saadan, Mohd. Nizam Yusof dan Hazmilah Hasan. 2009. *Perkaitan Persepsi Terhadap Organisasi Dengan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Penolong Kanan Sekolah Menengah Negeri Melaka*. *Journal of Human Capital Development*. (2) : 1985-7012.
- Ahmad Jawahir Bin Tugimin. 2009. *Perkaitan Antara Faktor Demografi Dengan Kepuasan*

Kerja Dalam Kalangan Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) : Satu Kajian Kes Di DerahJasin Dan Melaka Tengah ,Negeri Melaka. *Journal Of Human Capital Development*. Vol 2, No.2.

Ahar Mahmood, SairaNudrat, Muhammad MusaudAsdaque, Allaha Nawaz danNazirHaider. 2011. Job Satisfaction Of Secondary School Teahet : A Comparative Analisis OF Gendaer, Urban and Rural School. *Asian Sosial Science*, Vol 7, no. 8.

Ahmad Johari Bin Sihes dan Mohamad Zuhairy Bin Shaari. 2001. *Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru Teknikal Di Empat Buah Sekolah Menengah Teknik Sekitar Johor Bharu*. Universiti Teknologi Malaysia.

Aminah Hassan. 1997. *Kepuasan Kerja Guru Siswazah Sekolah Menengah di Daerah Kota Bharu, Kelantan*.Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia.

Azlina Binti Mohd. Kosnih dan Noryati Binti Cheman. 2011. Hubungan Antara Stres Dengan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru Besar Di Daerah Melaka Tengah. Universiti Teknologi Malaysia.

Azli Abdul Ani. 1997. *Kepuasan Kerja Kaunselor Pelajar Sepenuh Masa : Satu Kajian di Sekolah-sekolah Menengah Kulim Bandar Baharu*. Kertas Projek. Universiti Utara Malaysia.

Azrul Hisham Bin Abdul Manaf. 2009. *Faktor-faktor Tekanan dan Kesannya kepada Guru Sekolah Menengah Kebangsaan : Satu Kajian di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang*. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia.

Baharin Abu dan Mariam Aziz. 2011. Stres Dalam Kalangan Guru Di Dua Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Di Kawasan Skudai. *Journal of Education Psychology and*

*Counselling*, Vol. 3 : 59-80.

Baharom Mohamad dan Iliyas Hashim. 2010. *Gaya Pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Farah Deeba Chughati dan Uzma Perveen. 2013. A Study Of Teacher Workload And Job Satisfaction In Public And Private Schools At Secondary Level In Lahore City Pakistan. *Asian Journal Of Social Sciences and Humanities*, Vol. 2. No. 1.

Fazura Mohd Noor. 2011. *Faktor-faktor Penentu Stress dalam Kalangan Guru-guru : Kajian di Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur*. Kertas Projek Sarjana. Open Universiti Malaysia.

Florence Fletcher. 2007. *Hubungan Tahap Kecerdasan Emosi dengan Tahap Kepuasan Kerja di Kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah di Bandaraya Kuching, Sarawak*. Tesis Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling). Universiti Teknologi Malaysia.

Graham Butt, Ann Lance, Antony Fielding, Helen Guter, Steve Rayner dan Hywel Thomas. 2005. *School Leadership and Management*, Vol. 25.No. 5.

Jae-Phil Ha, Kristi M. Kiingdan Dylan J. Naeger. 2011. The Impact of Burnout on Work Outcomes among South Korean Physical Education Teachers. *University of Louisville journal of sport behavior*. 34 (4).

James Ang Jit Eng dan Balasandran Ramiah. 2009. *Kepimpinan instruksional : satu panduan praktikal*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Julia Kwong, Haiping Wang dan Rodney A. Clifton. 2010. Rethinking Our Assumptions about Teachers' Job satisfaction in China and the West. *Australian journal of Education*. 54 (2) : 115-132.

Kamarudin Haji Abu Hassan. 2008. *Kualiti Pendidik Melalui Penyelidikan Bagi Melahirkan Guru Bijaksana dan Berfikiran Tinggi*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan. Jilid 1, ISSN13940279 : 72-82.

Kamarudin Bin Mohd.Hashim. 2005. *Kepuasan Kerja di Kalangan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid di Sekolah-sekolah Menengah Negeri Perak*. Tesis Sarjana (Pengurusan). Universiti Utara Malaysia.

Kamaruzaman Kamaruddin. 2007. Tekanan Kerja di Kalangan Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Kemanusiaan*. 10.

Lin Gensing Phophal. 2003. *Motivating today's employees*. Petaling Jaya, Malaysia : Advantage Quest Sdn. Bhd.

Lim Khong Chiu. 2002. Persekitaran Kerja Dan Burnout Di Kalangan Guru Pendidikan Jasmani dan Sukan. *Nasional Human Resource Conference*. 19-20 Januari 2011.

Lise M. Saari dan Timothy A. Judge. 2004. Employee Attitudes and Job Satisfaction. *Human Resource Management, Winter*. 43 (4) : 395-407.

Lim Tieng Seng. 1995. *Kepuasan Kerja di Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Negeri Kelantan*. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia.

Madhu Gupta and Manju Gehlawat, 2013. Job Satisfaction And Work Motivation Of

Secondary School Teachers In Relation To Some Demographic Variables : A Comparative Study.Vol. 2, No. 1.

Mohd. Shaladdin Muda dan Nik Wan Omar. 2006. Model Peramal Kepuasan Kerja Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Komuniti Pesisir Terengganu. *IJMS* (13):123-142.

Mohd. Fazli Abu Bakar, Janet Ho Siew Ching, Irdiana Hussein dan Nazrah Jamaludin. 2005. *Tekanan Guru dalam Penyelidikan dan Resolusi Penyelesaiannya*. Seminar Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohammad Fitri Bin Sahhari. 2006. *Tahap beban tugas guru sekolah menengah di Daerah Sekudai :kajian kes*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia

Mohd. Saudi Bin Abd.Rahman. 1998. *Beban Tugas di Kalangan Guru Sekolah Menengah*. Kertas projek Sarjana Sains Pengurusan. Universiti Utara Malaysia.

Muhammad Asghar Ali, Tanveer-uz-Zaman.2011.A Study Of Job Secondary School Teachers. *Journal of Education and Practice*, Vol.2, No. 1.

Muhammad Madi Abdullah, Jegak Uli dan Balakrisnan Parasuraman. Job Satisfction Among Secondary Teacher.*Jurnal Kemanusiaan*, Bil;. 3.

Newstrom W. John dan Keith Davis. 1997. *Organizational behavior : Human behavior at work*. United States of America : The McGraw-Hill Companies.

Noor Azlan B. Ahmad Zanzali dan Mohd Nazri Bin Hamid. 2010. *Kesediaan Guru Program Pengijazahan Perguruan (PKPG) UTM Terhadap Mengajar Mata Pelajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris*. Universiti Teknologi Malaysia.

- Norani Mohd Noor dan Ruzilayati Rameli. 2011. *Mengenal Pasti Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, SharifahFakhriah Syed Ahmad danZuraidah A. Majid.2010.*Guru dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur : Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Norhannan Ramli dan Jamaliah Abdul Hamid. 2006. Gaya kepimpinan Pengetua Wanita Dan Hubungannya dengan Tahap Motivasi Guru Sekolah Menengah.*Jurnal Pendidikan*. (31):53-69.
- Raja Maria Diana Bt Raja Ali. 2011. *Faktor-faktor yang Mendorong Tekanan Kerja (Stress) di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah di Daerah Pasir Puteh*. Kertas Projek Penyelidikan. Open Universiti Malaysia.
- Stephen P. Robbin (Penterjemah dan penyunting Abdul Razak Ibrahim dan Ainin Sulaiman). 2006. *Gelagat Organisasi*. Selangor : Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Tee Sook Kim. 2006. *Stres Kerja di Kalangan Guru Aliran Teknik di Sekolah Menengah Teknik di Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tuan Mohammad Fadlan Tuan Jaafar. 2006. *Kerjaya Guru*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd
- Utusan.2010. Tubuh jawatan kuasa khas kaji beban tugas guru-Muhyiddin. Utusan. 1 April 2010.

“Wajarkah jawatankuasa guru pembantu (Guru kedua) diwujudkan di sekolah” dlm. <http://www.adilkurnia.wordpress.com/2010/02/11/definisi-analisis-beban-kerja/>. 29 Disember 2011.

Wan Noraini Wan Razab dan Nooraini Othman. 2011. Tahap Motivasi dan Punca Tekanan Guru yang Melanjutkan Pengajian. *Jurnal Kemanusiaan*. 17.

Yovitha Yuliejantiningasih. 2012. Hubungan Iklim Sekolah, Beban Tugas, Motivasi Berprestasi Dan Kepuasan Kerja Guru Dengan Kinerja Guru SD. *JMP* Vol 1, No. 3.

Zakaria Kasa dan Abdul Rahman Md. Aroff. 1997. Hubungan Nilai Kerja dengan Jantina, Umur dan Pengalaman Mengajar Guru Pelatih. *Pertanika J.Soc Acid and Human* 5(1):39-44.

Zuraidah Bte Yaacob, Siti Rahmah Bte Lamin dan Rohan @ Siti Rahmah Bte Mohamed. 2005. *Isu Tekanan dan Beban di Kalangan Guru dan Kepuasan Bekerja*. Seminar Pendidikan 2005. Universiti Teknologi Malaysia